



02 NOV, 2024

JKDM Sarawak rampas rokok, miriuman keras seludup bernilai lebih RM3 juta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM Sarawak rampas rokok, minuman keras seludup bernilai lebih RM3 juta



KEJAYAAN BESAR: Norizan menunjukkan lori dengan muatan rokok dan minuman keras yang dirampas pada sidang media semalam. — Gambar Chemon Upan

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak merampas pelbagai jenis rokok dan minuman keras disyaki tidak berkastam yang dianggarkan bernilai lebih RM3 juta di Jalan Kuching-Samarahan Expressway, baru-baru ini. Pengarah Kastam Sarawak Norizan Yahya berkata, sepasukan anggota dari Unit Marin Kuching telah mengesan sebuah lori yang dalam keadaan mencurigakan semasa menjalankan rondaan

pada 22 Oktober lalu, sekitar jam 2 petang. Menurutnya, lori tersebut kemudian ditahan dan hasil pemeriksaan telah menjumpai rokok pelbagai jenama beserta minuman keras. "Pemeriksaan rapi telah menjumpai sebanyak 3,400,00 batang rokok pelbagai jenama dan 2,376 liter minuman keras yang disyaki tidak berkastam telah diangkat oleh lori jenis sejuk beku tersebut. "Nilai rokok dan minuman keras termasuk duti dan cukai

yang terlibat dianggarkan sebanyak RM2.36 juta, menjadikan nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dianggarkan sebanyak RM3.15 juta," katanya pada sidang media kejayaan operasi tersebut, semalam. Norizan berkata, pemandu lori iaitu seorang lelaki warga tempatan turut ditahan untuk membantu siasatan. "Siasatan lanjut kes dijalankan di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967," katanya.

Tegasnya, rokok dan minuman keras merupakan barang larangan yang mana pengimportnya dibenarkan dengan syarat sepertimana yang ditetapkan di bawah Bahagian II, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023. "Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



JKDM Sarawak rampas rokok, minuman keras seludup bernilai lebih RM3 juta

► **Dari Muka 1**

Bercakap mengenai modus operandi, Norizan memberitahu lori tersebut dipercayai dalam perjalanan dari daerah lain menuju ke Kuching dengan mengikrarkan muatan di dalam lori sebagai makanan sejuk beku.

Katanya, tindakan itu bertujuan mengaburi pihak berkuasa.

"Sehubungan itu, JKDM memohon kerjasama orang ramai untuk bersama-sama memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan juga tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut," ujarnya.

JKDM turut menyeru

orang awam untuk menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol Kastam 1-800-88-8855 atau mana-mana pejabat JKDM terdekat.

"JKDM memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat akan dirahsiakan," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu JKDM Sarawak telah mendapat tambahan 66 unit mesin pengimbas dan tambahan 20 ekor anjing pengesan dadah (APD) di semua unit, cawangan di bahagian penguat kuasa.

"Ini menunjukkan JKDM Sarawak komited untuk menguatkuasakan perundangan yang ditadbir dengan lebih berkesan," tegasnya.



02 NOV, 2024

JKDM Sarawak rampas rokok, miriومان keras seludup bernilai lebih RM3 juta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak merampas pelbagai jenis rokok dan minuman keras disyaki tidak berkastam yang dianggarkan bernilai lebih RM3 juta di Jalan Kuching-Samarahan Expressway, baru-baru ini. Pengarah Kastam Sarawak Norizan Yahya berkata, sepasukan anggota dari Unit Marin Kuching telah mengesan sebuah lori yang dalam keadaan mencurigakan semasa menjalankan rondaan

pada 22 Oktober lalu, sekitar jam 2 petang.